

20/08/2001

Negara benua Afrika mula terpicat perkongsian pintar

Mustapa Omar

MUNYONYO, sebuah perkampungan kecil berhampiran Tasik Victoria, kira-kira 15 kilometer dari Kampala, ibu negara Uganda, menjadi tuan rumah kepada lebih 700 tetamu, termasuk pemimpin dari 17 negara membangun di benua Afrika serta Malaysia sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika-Global 2001 (SAID-Global 2001).

Dialog berkenaan, sebahagian siri dialog antarabangsa perkongsian pintar, termasuk Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), menemukan bukan saja ketua negara dan pemimpin kerajaan, malah menteri serta ahli perniagaan dari negara-negara membangun di benua itu dan rakan mereka dari Malaysia dalam suasana tidak formal bagi membincangkan pelbagai isu kepentingan bersama.

Sama seperti di Victoria Falls, Zimbabwe pada 1999 dan Maputo, Mozambique tahun lalu, dialog itu diadakan di bawah khemah besar berhampiran kawasan pusat peranginan.

Di sebalik semua itu, kesungguhan Uganda sebagai tuan rumah untuk menjayakan dialog berkenaan tidak dapat dinafikan. Ratusan pekerja sibuk menurap dan membersihkan jalan menghubungkan Kampala dan Munyonyo, menanam rumput di sekitar khemah dan mengecat bangunan di kawasan pusat peranginan itu.

Sambutan terhadap dialog berkenaan juga agak luar biasa, terutama di kalangan ahli perniagaan Uganda sendiri. Lebih 700 peserta mengesahkan penyertaan - paling ramai sejak SAID pertama kali diadakan di Botswana pada 1997.

"Kami menjangkakan hanya 350 peserta akan menyertai dialog kali ini. Bagaimanapun, sambutan di kalangan ahli perniagaan tempatan sungguh menggalakkan. Mengendalikan lebih 700 peserta dalam satu dialog bukan perkara mudah," kata Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, wakil khas Perdana Menteri ke Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), penganjur bersama SAID-Global 2001 dengan The Private Sector Foundation (PSF) Uganda.

Sebenarnya, jumlah peserta yang ramai ini tidak begitu baik kerana ia boleh menjejaskan keberkesanan dialog berkenaan dan percambahan idea disebabkan peserta mungkin tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya dalam perbincangan.

Selain itu, disebabkan hanya ketua negara dan pemimpin kerajaan yang tinggal di Munyonyo, manakala peserta lain menetap di Kampala, pergerakan mereka juga dijangka sukar.

Dr Omar berkata, SAID berjaya menarik minat beberapa negara membangun lain di benua Afrika untuk menyertainya. Jika dulu hanya negara-negara di Selatan Afrika yang menghadiri dialog berkenaan, kini beberapa negara di luar wilayah itu seperti Grenada dan Seychelles turut menghantar pemimpin dan ahli perniagaan mereka.

Jelaslah, selepas enam tahun konsep perkongsian pintar diperkenalkan pada LID 1995, ia semakin difahami dan dimanfaatkan oleh negara-negara membangun di Selatan Afrika yang menyertainya.

Mereka semakin sedar tindakan secara bersendirian tidak akan berkesan dalam menghadapi arus globalisasi.

Pada dialog kali ini, selain Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketua negara lain yang hadir termasuk Presiden Mbeki (Afrika Selatan), Presiden Omar Hassan Ahmad Al-Bashir (Sudan), Presiden Joaquim Alberto Chissano (Mozambique),

Presiden Paul Kagame (Rwanda) dan Presiden Festus G Mogae (Botswana).

Pemimpin lain yang turut sama ialah Presiden Tanzania, Malawi, Ghana, Congo, Kenya, Zambia, Perdana Menteri Swaziland, Grenada, Naib Presiden Uganda, Afrika Selatan dan Zimbabwe serta Setiausaha Agung Komanwel, Don McKinnon.

Dengan tema 'Memperkukuh Iklim Pelaburan Terus Asing (FDI) Menerusi Perkongsian Pintar', SAID-Global 2001 memberi tumpuan kepada isu FDI, khususnya ke negara-negara membangun di benua Afrika dengan matlamat mengenal pasti strategi bagi menarik pelaburan terus asing pada tahap sewajarnya.

Ini akan dilaksanakan dengan mempelajari dan mengkaji secara praktikal pengalaman pelabur serta ahli perniagaan yang berjaya dan gagal berdasarkan kes-kes yang dikemukakan oleh pembuat dasar.

Dalam hal ini, beberapa faktor penting akan dibangkitkan oleh rakan perkongsian pintar termasuk:

- * Pemilikan dan pengurusan aset ekonomi (tanah, harta intelek dan lain-lain);

- * Keperluan infrastruktur komunikasi dalam pelaburan;

- * Pengaruh persepsi risiko dalam pelaburan; dan

- * Cara mengukur kerjasama dan risiko pada tahap ekonomi mikro serta mewujudkan kesejahteraan ekonomi.

SAID-Global 2001 antara lain bertujuan mengukuhkan rangkaian dan hubungan kerja di antara kerajaan, sektor swasta, buruh, media, pakar akademik dan masyarakat awam menerusi perkongsian pintar, selain memberi ruang kepada ahli perniagaan memperkenalkan barang mereka pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Ia juga memberi peluang berharga kepada pelabur, pembuat dasar dan pemimpin lain untuk mempengaruhi dasar persekitaran pelaburan dan menyumbang kepada kesan positif dalam usaha menghapuskan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat di negara-negara anggota.

Peserta dialog dibahagikan kepada lima kumpulan, iaitu ketua negara dan pemimpin kerajaan, kumpulan isu sosial, media, ahli perniagaan dan menteri serta pegawai kanan kerajaan.

Kumpulan ketua negara dan pemimpin kerajaan akan membincangkan isu mengenai langkah memodenkan pentadbiran kerajaan serta kerjasama antara sektor awam dan korporat. Malaysia diwakili Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie.

Bagi kumpulan isu sosial pula, peserta akan menyentuh mengenai pembangunan luar bandar, langkah-langkah perkongsian pintar bagi membasmi kemiskinan dan sumber manusia, manakala kumpulan ahli perniagaan yang diwakili Tan Sri Tee Hock Seng akan berbincang mengenai iklim perniagaan di Timur Afrika dan cabaran yang dihadapi industri kecil dan sederhana (IKS) di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

SAID-Global 2001 juga agak menarik kerana pada dialog kali ini Dr Mahathir dan Museveni akan melancarkan Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi), satu program pertukaran berita berasaskan konsep perkongsian pintar bagi mengimbangi laporan kurang tepat mengenai negara-negara membangun oleh media dan agensi berita Barat.

Idea pertukaran berita di kalangan negara-negara membangun di Afrika dan Malaysia ini buat pertama kalinya dibangkitkan pada Dialog Antarabangsa Langkawi tahun lalu dan kemudian dibincangkan dengan lebih lanjut di SAID-Global 2000 di Maputo, pada tahun sama.

Ia boleh dianggap sebagai pencapaian terbaik sejak dialog antarabangsa perkongsian pintar bermula di Langkawi pada 1995.

Kerjasama membabitkan 11 agensi berita dan akhbar ini sekurang-kurangnya dapat dijadikan sumber alternatif kepada media massa di negara-negara membangun yang sebelum ini terpaksa bergantung kepada agensi berita asing

yang dikuasai pengamal media Barat.

Melalui kerjasama ini, organisasi yang mengambil bahagian akan menyumbang berita yang bersesuaian, rencana dan gambar melalui Internet ke laman web SNNi. SNNi juga akan menawarkan kemudahan latihan kepada wartawan dan pegawai media di kalangan anggotanya.

Apa yang diharapkan, SAID-Global 2001 di Mynyonyo ini akan menghasilkan kerjasama lebih erat antara negara anggota selain membantu negara-negara membangun di Afrika dalam pelbagai bidang melalui konsep perkongsian pintar.

(END)